

## **Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506)**

### **Tujuan Akta**

Akta Pusat Jagaan 1993 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan pusat-pusat jagaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

### **Falsafah Akta**

Perkhidmatan sosial di negara ini telah berkembang dengan begitu pesat sekali khususnya kalau dilihat dalam bidang kebajikan di mana berbagai perkhidmatan disediakan untuk memenuhi keperluan golongan tertentu. Pelbagai institusi-institusi kerajaan ditubuhkan untuk memberi jagaan, perlindungan dan latihan kepada golongan sasaran tertentu seperti orang cacat, orang-orang tua yang melarat, kanak-kanak yang terbiar, remaja yang terdedah kepada kerosakan akhlak dan juga kalangan keluarga yang ditimpa oleh berbagai masalah sosial.

Selain daripada perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan, terdapat juga anggota masyarakat yang sangat bersimpati untuk bersama-sama menyumbang mengatasi masalah sosial. Mereka ini telah menubuhkan pelbagai pertubuhan sukarela untuk memberi khidmat kepada golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Maka wujudnya berbagai institusi untuk memenuhi keperluan-keperluan tertentu seperti Rumah Anak Yatim dan Miskin, Rumah Orang Tua, Rumah Perlindungan serta Pusat-Pusat bagi golongan cacat dan sebagainya.

Kini, terutama di kawasan bandar terdapat pula pusat-pusat jagaan swasta yang ditubuhkan oleh orang perseorangan atau syarikat sebagai satu perniagaan dan dengan bayaran yang tinggi dikenakan bagi perkhidmatan tersebut. Keadaan seumpama ini biasanya disediakan bagi golongan warga tua di mana mereka menerima jagaan yang rapi.

Adalah wajar bagi kerajaan di samping menggalakkan penglibatan pertubuhan sukarela dan swasta, satu mutu kawalan jagaan disediakan bagi menjamin agar penghuni-penghuni pusat jagaan berkediaman dan harian mendapat jagaan dan perlindungan sempurna terutama sekali dari segi pemakanan, tempat tinggal, rawatan kesihatan dan aktiviti harian semasa berada di Pusat Jagaan tersebut.

## **Ciri-Ciri Utama di bawah Akta ini:**

- Pusat Jagaan Berkediaman ditafsirkan sebagai mana-mana premis di mana 4 orang atau lebih (bukan saudara diterima untuk jagaan sebagai penghuni-penghuni di dalamnya).
- Pusat Jagaan Harian ditafsirkan sebagai premis di mana 4 orang atau lebih (bukan saudara) diterima untuk jagaan bagi satu tempoh yang lebih 3 jam sehari di antara terbit matahari hingga matahari terbenam dan beroperasi selama sekurang-kurangnya 3 hari seminggu.

Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mengawal penubuhan Pusat-Pusat Jagaan,

**Fasal 4** - Mewajibkan pendaftaran Pusat-Pusat Jagaan.

**Fasal 5** - Bertujuan melarang penyelenggaraan Pusat-Pusat Jagaan tidak berdaftar. Walau bagaimanapun, kelonggaran tempoh enam bulan diberi kepada Pusat-Pusat Jagaan yang sedia ada untuk mendaftar.

**Fasal 7** - Memperuntukan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengenakan syarat-syarat apabila mendaftar sesuatu Pusat-Pusat Jagaan bagi menentukan piawaian minimum dipatuhi untuk melindungi kepentingan dan kebajikan penghuni dan orang yang diterima untuk jagaan.

**Fasal 7(i)** - Memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengenakan deposit jaminan di mana kuantumnya ditetapkan oleh Ketua Pengarah bagi tujuan melindungi dan menjamin kesejahteraan penghuni terpelihara.

**Fasal 15** - Memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memerintah menutup sesuatu Pusat Jagaan Berdaftar yang gagal mematuhi arahan atau kemungkinan menimbulkan bahaya kepada mana-mana orang.

## **Tugas-Tugas dan Tanggungjawab Pegawai Kebajikan Masyarakat di bawah Akta ini:**

- Pegawai Kebajikan Masyarakat diwartakan untuk melaksanakan Akta Pusat Jagaan.
- Berpandukan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994, Pegawai Kebajikan Masyarakat mengawasi serta menjalankan siasatan ke atas Pusat-Pusat Jagaan.

- Pegawai Kebajikan Masyarakat diberikuasa pada bila-bila masa memasuki dan memeriksa mana-mana premis yang digunakan sebagai atau bagi sesuatu Pusat Jagaan untuk menentukan:
  1. Kesihatan dan kesejahteraan penghuni-penghuni dijaga dengan memuaskan;
  2. Daftar-daftar, rekod-rekod dan akaun-akaun di Pusat Jagaan diselenggara dengan betul;
  3. Kelengkapan yang cukup dan sesuai ada dibekalkan di Pusat-Pusat Jagaan;
  4. Pusat Jagaan diselenggara dengan baik iaitu keadaan binaannya dan tentang kebersihan dan sanitasinya.
  5. langkah-langkah berjaga-jaga yang cukup ada di Pusat Jagaan iaitu terhadap pencegahan kebakaran dan kejadian lain yang berkemungkinan membahayakan nyawa atau kesihatan penghuni-penghuni.
  6. Penedali-pengendali Pusat Jagaan mematuhi peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 24 Akta Pusat Jagaan dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 7 Akta Pusat Jagaan 1993.
  7. Pusat-Pusat Jagaan mengikut peraturan-peraturan terutama sekali nisbah penjaga dengan penghuni seperti:

<b>Kumpulan</b>	<b>Nisbah Penjaga</b>
<b>▸ Kanak-Kanak/Remaja</b>	
Dibawah umur 4 tahun	1:5
4 - 10 tahun	1:18
10 tahun ke atas	1:18
<b>▸ Orang Cacat</b>	
Cacat	1:10
Cacat Teruk/Terlantar	1:4
<b>▸ Orang Tua</b>	
Orang Tua	1:18
Tua berpenyakit/terlantar	1:14

- 8.
  9. Surat rujukan terhadap setiap permohonan pendaftaran Pusat Jagaan, iaitu kepada pihak berkuasa tempatan, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan. (Ini adalah sebagai perakuan bahawa pemohon telah mengemukakan permohonan di Jabatan kebajikan Masyarakat)
- Menjalankan pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.